

PENGAJIAN USULUDDIN DI KOLEJ ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ISMAIL PETRA (KIAS): ANALISIS DARI SUDUT SILIBUS PENGAJIAN

Oleh:

Muhammad Nasron Yaakob *

Mohd Fauzi Hamat **

Abstract

This article attempts to analyse the syllabus of theology studies at the Department of Theology of Sultan Ismail Petra International College (KIAS), Kelantan. Examining the syllabus and comparing it with the syllabi of the same level of other colleges shows some strengths and weaknesses that should be improved. Some suggestions are raised to improve the study to ensure that it can produce students of international standard.

PENDAHULUAN

Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) merupakan satu institusi pengajian yang ditubuhkan oleh kerajaan negeri Kelantan cetusan daripada hasrat kerajaan negeri tersebut untuk mewujudkan sebuah institusi pengajian tinggi Islam di negeri Kelantan.¹ Kelahirannya adalah bermatlamat untuk meningkatkan lagi potensi negeri yang digelar Serambi Mekah² tersebut sebagai pusat perkembangan ilmu dalam bidang pengajian Islam dan pusat perkembangan syiar Islam.³ Kolej ini terletak di Nilam Puri, iaitu lebih kurang 12 kilometer dari bandar Kota Bharu. Ia

* Graduan Sarjana Usuluddin, Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM).

** Pensyarah di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, APIUM merangkap Penyelaras Program Pengajian Islam, APIUM.

¹ *Dalil al-Kulliyah* (2000/01), Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), h. i.

² Negeri Kelantan dikenali sebagai *Serambi Mekah* kerana negeri tersebut telah sejak sekian lama menjadi pusat pengajian ilmu-ilmu agama di kalangan pelajar rantau Asia Tenggara sebelum mereka menyambung pelajaran ke Mekah. Lihat Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1983), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. ix.

³ Temuramah dengan Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 28 April 2003 di pejabat Menteri Besar, jam 2:30 petang.

dilingkungi beberapa institusi pendidikan Islam seperti Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (Cawangan Nilam Puri) yang dahulunya dikenali dengan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan,⁴ Pusat Bahasa Arab dan pusat pentadbiran Yayasan Islam Kelantan (YIK).⁵

Kedudukan KIAS di Nilam Puri adalah amat sesuai kerana kawasan tersebut pernah dirancang untuk dibangunkan sebuah universiti Islam. Perancangan dan matlamat tersebut bermula pada tahun 1965 apabila kerajaan Kelantan di bawah pimpinan Dato' Asri Haji Muda telah memperkenalkan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang dikenali dengan nama Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan (PPTIK). Pusat pengajian ini kemudiannya, ditukar nama kepada Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (YPTIK) pada tahun 1969. Walau bagaimanapun, suasana

⁴ Nama ringkasnya ialah YPTIK. Yayasan ini ditubuhkan oleh kerajaan Kelantan pada bulan Oktober tahun 1965. Ia kemudiannya diambilalih oleh Universiti Malaya pada 1 April 1981 dan dikenali selepas itu dengan nama Akademi Islam, Universiti Malaya. Lihat *Buku Panduan Akademi Islam Universiti Malaya*, Tahun Akademik 1989/90, h. 1. Sekarang ia dikenali dengan Akademi Pengajian Islam (Cawangan Nilam Puri).

⁵ Yayasan Islam Kelantan atau ringkasnya YIK adalah satu badan induk kerajaan negeri yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan pendidikan Islam di Kelantan bagi peringkat menengah. Pada tahun 1990, Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah membuat suatu penyusunan baru terhadap sistem pendidikan Islam bermula dari peringkat sekolah menengah agama (Arab) (SMUA) dan disusuli kemudiannya peringkat pengajian tinggi. Penyusunan ini melibatkan metodologi pengajian, peningkatan taraf hidup dan kualiti ilmiah tenaga pengajar serta pengenalan sistem baru bagi pengajiannya. Lihat *Dalîl al-Kulliyah* (2000/01), h. iii. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan remaja lepasan sekolah menengah agama yang berwibawa dari sudut keilmuan dan keperibadian. Malah, sekolah agama Arab yang sebelum ini hanya menumpukan pengajian kepada bidang agama, telah mula memperkenalkan kelas sains dan kelas perakaunan di beberapa sekolah pilihan sebagai usaha melahirkan pelajar yang berjiwa Islam dan menguasai ilmu-ilmu moden. Konsep pengajian ini juga diharap dapat mengikis tanggapan sesetengah ahli masyarakat yang menganggap sekolah agama hanya mengajar ilmu agama sahaja. Maklumat ini diperolehi hasil dari temuramah penulis dengan Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 28 April 2003. Selepas penyusunan sistem pendidikan peringkat menengah, tumpuan seterusnya dihalakan kepada pengajian peringkat tinggi. Dari situ, tertubuhlah institusi pengajian tinggi Islam yang dikenali sebagai Maahad Dakwah wal Imamah. Tujuan penubuhannya adalah untuk melahirkan para pendakwah yang bersedia dan berkemampuan membimbing masyarakat ke arah menghayati ajaran Islam dengan cara yang sebaiknya. Lihat Maahad Dakwah Wal Imamah (1995), *Ma 'had al-Da 'wah wa al-Imāmah fi Sūtūr*, Nilam Puri: Maahad Dakwah wal Imamah, h. 1. Selang beberapa tahun, KIAS ditubuhkan dan MDI diletakkan di bawah kelolaan pentadbiran KIAS.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian politik tempatan dan beberapa perkembangan yang berlaku dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia banyak mempengaruhi perjalanan YPTIK. Sejarah merakamkan bahawa matlamat yayasan tersebut untuk menjadi sebuah universiti Islam yang tersendiri, gagal dipenuhi apabila pusat pengajian tersebut digabungkan dengan Universiti Malaya pada 1 April 1981.⁶

Selain daripada itu, masalah untuk mendapatkan pengiktirafan terhadap ijazah yang dikeluarkan kepada graduannya daripada pihak luar juga menjadi faktor utama menyebabkan penggabungan YPTIK ke dalam Universiti Malaya berlaku, walaupun YPTIK pada masa itu sudah mempunyai program pengajian yang setaraf dengan universiti-universiti Islam antarabangsa.⁷ Justeru itu, kelahiran KIAS di Nilam Puri boleh dianggap sebagai satu usaha untuk mengembali dan merealisasikan semula matlamat penubuhan YPTIK. Kelahirannya dianggap sebagai pengganti dan penerus kepada institusi pengajian Islam yang pernah ditubuhkan sebelum ini. Kewujudannya juga dapat memenuhi permintaan masyarakat Islam yang inginkan institusi pengajian agama peringkat universiti ditubuhkan di Kelantan.⁸ Ia juga dapat mengekalkan tradisi pengajian ilmu agama yang sudah sebat dengan masyarakat Islam di negeri tersebut sejak dahulu lagi.⁹

KIAS yang diasaskan pada 12 Jamadil Awal 1420 Hijrah, bersamaan 24 Ogos 1999 adalah diletakkan di bawah pengendalian Akademi Yakin Sendirian Berhad (AYSBB) iaitu anak syarikat Yayasan Kelantan Darulhaim (YAKIN). Syarikat ini ditubuhkan khusus untuk mengurus dan menyelenggara segala urusan bersangkut paut dengan KIAS serta bertanggungjawab terhadap pembiayaan KIAS.¹⁰ KIAS membawa falsafah penubuhannya yang tersendiri iaitu berusaha melahirkan generasi al-Quran yang unggul dari sudut ilmu dan beriltizam mengamalkannya.¹¹ Ia bermatlamat untuk menjadi sebuah institusi pengajian Islam yang berperanan dalam:¹²

⁶ Abdul Halim Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd., h. 20-22.

⁷ Temuramah dengan Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid, Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya pada 6 Mei 2003 di pejabat beliau, jam 11:30 pagi. Beliau merupakan bekas penuntut dan juga pensyarah YPTIK.

⁸ Temuramah dengan Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 28 April 2003.

⁹ Lihat Nik Abdul Aziz Haji Nik Hassan (1983), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

¹⁰ *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02)*, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, h. 1.

¹¹ Lihat *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02)*, h. 2.

¹² *Ibid.*

- i. Menyebarkan risalah Islam dan bahasa al-Quran.
- ii. Mendidik dan membentuk generasi Islam yang bertakwa berasaskan ilmu dan tauhid.
- iii. Melahirkan pelajar yang berkemampuan dan berkemahiran tinggi mengikut pengkhususan masing-masing.
- iv. Menyediakan peluang pengajian di peringkat tinggi bagi lepasan sekolah menengah dan sekolah menengah agama serta lulusan yang setaraf dengannya.

SEJARAH RINGKAS PENUBUHAN KIAS

Sebagai langkah awal penubuhan universiti Islam di Kelantan, Kerajaan Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan (YIK) terlebih dahulu menubuahkan Maahad Dakwah wal Imamah (MDI).¹³ Penubuhan Maahad ini telah dipersejuaui dalam satu mesyuarat majlis tertinggi YIK pada 12 Sya'ban 1414 Hijrah bersamaan 29 Januari 1994.¹⁴ Akhirnya MDI ditubuhkan di bawah Enakmen Nombor 8 tahun 1982 Enakmen Yayasan Islam Kelantan, seksyen 6(a) yang berbunyi:

“... menubuh dan menyelenggarakan sekolah-sekolah agama, institusi-institusi latihan, institusi-institusi ilmu pengetahuan, Pusat Bahasa Arab, pengajian pondok dan sekolah-sekolah lain sebagaimana yang lembaga fikirkan perlu dan mustahak bagi menjalankan tugas-tugas yayasan... ”.¹⁵

Penubuhan institusi ini bukanlah untuk menyaingi mana-mana institusi pengajian tinggi Islam lain, tetapi sebagai usaha mempelbagaikan bidang pengajian tinggi khususnya dalam hal-hal agama Islam di Kelantan.¹⁶ Maahad Dakwah Wal Imamah memulakan pengajian pada 22 Muharrom 1415 Hijrah bersamaan 3 Julai 1994 di Kampus KIAS sekarang iaitu di Nilam Puri.

Maahad ini kemudiannya mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1997. Universiti tertua tersebut bersedia menerima para pelajar Maahad yang memiliki kelulusan Sijil Tertinggi Dakwah untuk menyambung pengajian di tahun tiga di mana-mana jabatan dalam Fakulti Usuluddin. Jabatan-

¹³ Temuramah dengan Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat, Menteri Besar Kelantan pada 28 April 2003.

¹⁴ *Ma'had al-Da'wah wa al-Imāmah fi Sūtūr* (1995), h. 3.

¹⁵ Buku Cenderamata, *Majlis Perasmian Pelancaran Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra*, di Balai Islam Lundang, Kota Bharu pada 24 Ogos 1999, h. 36.

¹⁶ *Ibid.*

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian jabatan tersebut ialah:

- i. Jabatan Akidah dan Falsafah.
- ii. Jabatan Tafsir dan ‘Ulūm al-Qur’ān.
- iii. Jabatan Hadis dan ‘Ulūm al-Hadīth.
- iv. Jabatan Dakwah.

Akhirnya Maahad Dakwah Wal Imamah telah digantikan dengan sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang lebih sempurna iaitu Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Pada tahun 2000, generasi pertama Maahad Dakwah Wal Imamah telah kembali ke tanah air selepas mereka berjaya memperolehi Ijazah Sarjana Muda Usuluddin daripada Universiti al-Azhar, Mesir.¹⁷

Perubahan Maahad Dakwah Wal Imamah kepada KIAS adalah bertitik tolak daripada kesedaran bahawa penganugerahan Sijil Tertinggi yang dikeluarkan oleh Maahad Dakwah kepada lulusan pengajiannya dan penawaran bidang pengajiannya yang terhad adalah tidak memadai. Ia perlu diubah kepada sesuatu yang berstatus lebih tinggi, begitu juga dengan kedudukannya yang perlu ditingkatkan kepada sebuah institusi pengajian tinggi Islam.¹⁸ Akhirnya pada bulan Ogos 1999, KIAS secara rasminya diasaskan dan Maahad Dakwah Wal Imamah telah digabungkan ke dalam KIAS. Pengurusan kolej juga diambil alih oleh AYSB daripada YIK. Setelah itu, kolej tersebut mula menawarkan bidang pengajian yang lebih luas diperingkat diploma. Kursus-kursus diploma tersebut ditawarkan menerusi tiga jabatan seperti berikut:¹⁹

- i. Jabatan Usuluddin.
- ii. Jabatan Syariah.
- iii. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.

KIAS menggunakan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar rasmi bagi kursus-kursus akademik. Manakala bagi kursus agama, bahasa yang digunakan adalah Bahasa Arab.²⁰ KIAS juga menggunakan sukanan pengajian yang ditentukan oleh Jabatan Pengajian Swasta dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Selain daripada itu, ia turut menggunakan sukanan pengajian yang bersesuaian dengan sukanan pengajian Universiti al-Azhar, Mesir dan universiti-universiti Islam yang lain.²¹ Pada

¹⁷ *Dalīl al-Kulliyah* (2000/01), h. iii.

¹⁸ Temuramah dengan Ustaz Hassan Mat Leh, Ketua Jabatan Usuluddin KIAS di pejabat beliau pada 13 September 2001, pukul 9:15 pagi.

¹⁹ *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin* (2001/02), h. 1.

²⁰ *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin* (2001/02), h. 2.

²¹ *Ibid.*, h. 3.

30 Jamadil Awal 1421H bersamaan 30 Ogos 2000, KIAS telah menandatangani perjanjian kerjasama dalam bidang ilmiah dan kebudayaan dengan Universiti al-Azhar. MoU tersebut telah membuka peluang kepada para pelajar KIAS memasuki tahun tiga peringkat pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti al-Azhar, Mesir.²²

PENGAJIAN USULUDDIN DI KIAS

Pengajian Usuluddin adalah satu disiplin pengajian yang berkaitan dengan prinsip-prinsip asas agama. Pengajian ini biasanya dikaitkan dengan pengajian akidah, merangkumi akidah ketuhanan, kenabian dan *al-ghaybiyyāt*. Menurut Dr. Harun Nasution, ramai pengarang menamakan kitab-kitab mereka dengan kitab *Usūl al-Dīn* kerana kitab tersebut membahaskan ajaran-ajaran dasar atau prinsip-prinsip asas agama Islam.²³ Ada kalangan yang mengertikan *usūl al-dīn* sebagai *'Ilm al-Kalām*.²⁴

²² Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02), h. 1.

²³ Harun Nasution (t.t.), *Teologi Islam, Aliran-aliran, Sejarah, Analisa dan Perbandingan*, Jakarta: Yayasan Penerbit Universitas Indonesia, h. iv. Beberapa tokoh ulama Islam silam telah menggunakan perkataan *usūl al-dīn* dalam karya ilmiah mereka yang membincangkan perkara berkaitan dengan persoalan akidah. Ini dapat dilihat dalam karya beberapa tokoh ulama Islam terkenal, misalnya al-Imām Abū Ḥasan al-'Aṣy'arī, al-Baghdādī, dan al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī. Dalam kitab *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*, al-Imām al-'Aṣy'arī telah menggunakan istilah *usūl al-dīn* yang merujuk perbincangan mengenai Allah dan sifatNya, kedudukan al-Quran, adakah ia *kalām* Allah atau makhluq, mengenai ketetapan azab kubur, syafaat, neraka dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan 'Abd al-Qāhir al-Baghdādī menerusi kitabnya, *Usūl al-Dīn* dan al-Imām Fakhr al-Dīn al-Rāzī menerusi kitabnya, *al-Arba 'in fī Usūl al-Dīn*. Dalam karya tersebut beliau mengutarakan perbincangan mengenai sifat-sifat Allah, *al-nubuwah*, keramat para wali, syafaat Nabi Muhammad s.a.w. dan *al-imāmah*. Karya beliau yang bermetodkan Ilmu Kalam ini juga turut mengemukakan hujah-hujah berkesan untuk menolak pendapat golongan Mu'tazilah dan Murji'ah menyentuh beberapa isu akidah. Untuk keterangan lanjut, lihat al-'Aṣy'arī, Abū Ḥasan 'Alī Ismā'il (1985), *al-Ibānah 'an Usūl al-Diyānah*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Arabi, h. 13-144; al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir bin Tāhir (1928), *Kitāb Usūl al-Dīn*, Istanbul: Matba'ah al-Dawlah dan Fakhr al-Dīn al-Rāzī (1986), *al-Arba 'in fī Usūl al-Dīn*, Kaherah: Matba'ah Dār al-Tadāmun. Kecenderungan yang sama juga boleh didapati dalam karya Al-Imām al-Juwāni, bertajuk *Al-Syāmil fī Usūl al-Dīn*. Karya tersebut terkandung di dalamnya perbahasan mengenai sifat-sifat Allah, perdebatan mengenai kebaruan alam (*hudūth al-'ālam*), penolakan terhadap hujah-hujah ahli falsafah, Mu'tazilah dan penfitnah agama, dan beberapa topik perbincangan yang lain. Lihat al-Juwāni (1969), *al-Syāmil fī Usūl al-Dīn*, Iskandariah: Mansya'ah al-Ma'ārif.

²⁴ Ibrāhīm Zākī Khurshid et.al (t.t.), *Dā'irah al-Ma'ārif al-Islāmiyyah*, j. 3, Kaherah: Dār al-Sha'b, h. 482.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian Al-Syahrastānī menerusi kitabnya, *al-Milal wa al-Nihal* menyatakan seperti berikut:²⁵

قال بعض المتكلمين، الأصول معرفة الباري تعالى بوحدانيته وصفاته، ومعرفة الرسل بآياتهم وبيناته، وبالجملة كل مسألة يتعين الحق فيها بين المتخاصمين، فهي من الأصول، ومن المعلوم أن الدين إذاً كان منقسمًا إلى معرفة وطاعة، والمعرفة أصل، والطاعة فرع، فمن تكلم في المعرفة والتوحيد كان أصولياً، ومن تكلم في الطاعة والشريعة كان فروعياً، والأصول هو موضوع علم الكلام، والفروع هو موضوع علم الفقه. وقال بعض العقلا، كل ما هو معقول ويعوصى إليه بالنظر والإستدلال، فهو من الأصول، وكل ما هو مظنون ويتوصل إليه بالقياس والاجتهاد، فهو من الفروع.

Maksudnya:

“Kata sebahagian ulama *mutakallimin*, *usūl* adalah [menyentuh perbincangan mengenai] makrifatu-Llah menerusi pemahaman [terhadap konsep] keesaan Allah SWT dan [pemahaman] sifat-sifat-Nya, makrifah para Rasul berdasarkan bukti-bukti dan keterangan-keterangan [yang membuktikan kebenaran mereka sebagai utusan Allah SWT]. Ringkasnya, semua persoalan yang [menjurus untuk] menetapkan/menentukan [mana pandangan] yang benar di antara dua pihak yang berbantah, adalah termasuk dari [perbincangan] *usūl*. Adalah diketahui bahawa [kandungan] *al-dīn* terbahagi kepada [dua bahagian, iaitu] makrifah dan taat. Makrifah adalah prinsip (*asl*), manakala ‘taat’ adalah cabang (*far’*). Siapa yang bercakap mengenai makrifah dan tauhid, ia merupakan seorang ahli *usūli*, manakala orang yang bercakap mengenai ketaatan dan syariah, ia merupakan seorang ahli *furu’i*. *Usūl* menjadi topik perbincangan ‘*Ilm al-Kalām*, manakala perkara cabang menjadi topik perbincangan ‘*Ilm al-Fiqh*. Kata sebahagian ahli fikir, setiap

²⁵ Al-Shahrastānī, Muḥammad ibn ‘Abd al-Ķarīm (1990), *al-Milal wa al-Nihal*, j. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 36. Kenyataan al-Shahrastānī ini turut diperkuuhkan oleh keterangan al-Sayyid Sābiq yang menyifatkan ilmu *usūl* sebagai ilmu yang membincangkan mengenai ‘iman’ atau ‘akidah’, manakala ilmu *furu’i* pula adalah ilmu yang membincangkan mengenai ‘amal’ atau ‘syariah’. Hasil dari gabungan dua konsep ini, Islam difahami sebagai agama iman (*usūl*) dan amal (*furu’i*). Untuk keterangan lanjut, lihat Al-Sayyid Sabiq (2000), *al-‘Aqā’id al-Islāmiyyah*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 9.

sesuatu yang ‘maakul’, yang dicapai [pengetahuan tentang kemaakulannya] menerusi [penggunasuaian metode] penelitian ilmiah dan pendalilan (pembuktian secara logikal) adalah merupakan [komponen] *usūl*, manakala setiap sesuatu yang *maznūn* (sesuatu yang disangka betul), yang dicapai [pengetahuan tentang ‘kesangkaannya’] menerusi [penggunasuaian kaedah] *qiyās* dan *ijtihad*, ia termasuk dari [komponen] *furū’*.

Pengajian usuluddin mempunyai kaedah dan disiplinnya yang tersendiri. Ia mempunyai matlamat, ruang lingkup dan kaedahnya yang berbeza dengan disiplin-disiplin ilmu lain. Dalam konteks pengajian tinggi, pengajian usuluddin menjadi satu bidang pengajian Islam utama selain dari bidang syariah. Pengajian ini bermatlamat menjelaskan akidah yang sahih, menguatkan keimanan kepada Allah SWT dan keimanan terhadap rukun-rukun iman yang lain ke dalam diri manusia, membentuk generasi berakidah mantap dan mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah SWT dan berusaha menyucikan pemikiran dan hati manusia dari diresapi unsur-unsur syirik dan bid’ah.²⁶ Pengajian usuluddin diharapkan dapat membentuk peribadi mukmin sejati kerana pengajian ini menekankan pendidikan akidah dan berusaha memurnikan jiwa dan pemikiran manusia dari segala bentuk penyelewengan.²⁷ Penerapan akidah melalui pemahaman terhadap rukun iman misalnya, akan membentuk dan membina peribadi mukmin berlandaskan asas-asas kepercayaan dan keyakinan terhadap rukun-rukun tersebut.

Dalam konteks KIAS, pengajian Usuluddin secara rasminya ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin. Jabatan ini ditubuhkan untuk mencapai beberapa objektif seperti berikut:²⁸

1. Berusaha mencapai matlamat penubuhan Kolej ini dan tujuan penyebaran Islam dengan lebih luas lagi.
2. Membuka peluang kepada para pelajar yang cemerlang di peringkat sekolah menengah agama menyambung pengajian peringkat universiti.
3. Memberi peluang kepada para pelajar mendalami pengajian akidah sehingga membolehkan mereka menghayatinya di dalam kehidupan.
4. Melahirkan para ulama yang berwibawa dalam bidang akidah dan mampu membentuk dan membimbing masyarakat ke jalan yang direhui Allah SWT.

Selain berperanan membetul dan membentuk akidah dan pemikiran para pelajar, pengajian usuluddin di KIAS juga diperkenalkan bagi maksud menerangkan isu-isu

²⁶ Muhammad ‘Abd al-Qādir Ahmad (1985), *Turuq Ta‘lim al-Tarbiyyah al-Islāmiyyah*, c. 3, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 103.

²⁷ Mohamad Kamil Ab. Majid (2000), *Tajdid: Perspektif Sejarah dan Masa Kini*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 149.

²⁸ *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02)*, h. 3.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian akidah semasa menurut ajaran Islam kepada pelajar agar mereka dapat memahami isu-isu tersebut dan menolak semua bentuk kepercayaan yang bercanggah dengan akidah Islam.²⁹ Ini bermaksud pengajian usuluddin di KIAS bermatlamat untuk melahirkan pelajar yang beriman, bertakwa dan berakhlaq mulia, serta berkemampuan menerangkan konsep tauhid yang sebenar kepada masyarakat. Matlamat ini secara umumnya bertepatan dengan matlamat pendidikan Islam secara umumnya yang berasaskan paradigma tauhid.³⁰

Kursus-kursus yang ditawarkan Jabatan Usuluddin KIAS boleh dibahagikan kepada empat komponen utama seperti berikut:³¹

1. Kursus Teras Kementerian Pendidikan³²
2. Kursus Teras Kolej³³
3. Kursus Teras Jabatan³⁴
4. Kursus Elektif Kolej³⁵

²⁹ Temuramah melalui telefon dengan Ustaz Razali bin Musa, Ketua Program Usuluddin KUSZA pada 2 September 2003, jam 12:40 tengahari.

³⁰ Temuramah dengan Ustaz Hassan Mat Leh, Ketua Jabatan Usuluddin KIAS di pejabat beliau pada 13 September 2001.

³¹ Lihat *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02)*, h. 3.

³² Kursus Teras Kementerian Pendidikan ialah kursus yang wajib diambil untuk semua pelajar KIAS.

³³ Kursus Teras Kolej ialah kursus yang wajib diambil oleh setiap pelajar KIAS, sama ada mereka memilih Jabatan Usuluddin, atau Jabatan Syariah atau Jabatan Dakwah dan Kepimpinan.

³⁴ Kursus Teras Jabatan pula ialah kursus-kursus yang mesti diikuti oleh setiap pelajar di Jabatan Usuluddin sahaja.

³⁵ Melalui pendedahan beberapa bidang bukan agama sebagai kursus pilihan kepada pelajar KIAS, KIAS berharap dapat melahirkan individu yang faham agama dan berjaya menguasai bidang-bidang bukan agama yang diceburi itu agar dapat menonjolkan bidang tersebut dalam bentuk acuan Islam tanpa meninggalkan nilai-nilai dan batasan agama. Maklumat ini diperolehi hasil dari temubual dengan Haji Mohd Nawawi Mahmood, Ketua Eksekutif KIAS di pejabat beliau pada 28 April 2003, jam 11:00 pagi. Menurut Ustaz Hassan Mat Leh, Ketua Jabatan Usuluddin KIAS, tujuan kursus sebegini juga adalah untuk melahirkan bukan sahaja para ilmuwan, bahkan juga para usahawan Islam yang mampu berusaha sendiri dan tidak bergantung kepada kerja makan gaji dari kerajaan semata-mata. Buktinya dengan kejayaan seorang bekas pelajar Maahad Dakwah Wal Imamah yang berjaya membuka kedai jahit pakaian dengan konsep pakaian yang bercirikan Islam, dan di waktu yang sama berdakwah dan mengajar di masjid-masjid dan madrasah-madrasah kepada masyarakat (Temuramah dengan Ustaz Hassan Mat Leh, Ketua Jabatan Usuluddin KIAS pada 13 September 2001).

SILIBUS PENGAJIAN USULUDDIN DI KIAS

Dalam memastikan matlamat pengajian usuluddin tercapai, Jabatan Usuluddin KIAS telah menyediakan sukanan pengajian usuluddin seperti berikut:³⁶

a) Subjek Pengajian Akidah: Terdapat empat subjek pengajian akidah yang ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin iaitu KDU1111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 1, KDU3111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 2, KDU5111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 3 dan KDU6111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 4.

KDU1111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 1: Tajuk dan topik yang menjadi perbincangan utama subjek ini adalah pengenalan ilmu akidah, tajuk-tajuk akidah dan faedah-faedahnya, Ilmu Kalam, kelahiran dan perkembangannya, keadaan Tauhid di zaman Rasulullah s.a.w. dan selepasnya, bertaklid dalam akidah, pengertian dua kalimah syahadah; tuntutan dan pembatalannya, iman dan Islam, iman bertambah dan berkurang dan perbincangan mengenai tauhid dan jenisnya; *rubūbiyyah, ulūhiyyah, al-asma’ wa al-sifāt* dan perbahasan sifat-sifat Allah SWT.

KDU3111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 2: Topik kursus ini meliputi perbincangan mengenai pengertian *al-nubuwah* dan *al-risālah*, *al-nubuwah* adalah pemberian Allah, sifat-sifat para rasul dan kewajipan mereka, kedudukan para nabi yang bersifat *ma’sūm* dan penolakan *syubahāt* mengenainya, mukjizat para nabi, keramat wali dan perkara-perkara yang berkenaan dengannya, *qada’* dan *qadar* serta perkara yang berkenaan dengannya, malaikat dan sifat-sifatnya serta kewajipan mereka, jin dan perbezaannya dengan malaikat, kitab-kitab *samāwī* dan kedudukan al-Quran sebagai perlumbagaan hidup manusia. Kursus ini turut membincangkan hari akhirat, alamat-alamat kiamat, huru-hara kiamat, kebangkitan di akhirat, hisab, syurga, neraka, syafaat dan beberapa tajuk yang lain.

KDU5111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 3: Kursus ini adalah kursus lanjutan dari kursus Akidah 2 di atas. Akidah 3 melanjutkan perbincangan akidah dengan topik-topik seperti perselisihan awal umat Islam; bermula selepas kewafatan Rasulullah dan selepasnya, sebab-sebab lahirnya puak-puak atau firqah Islam dan perkembangannya. Kajian meliputi topik-topik seperti *Ahl Sunnah wa al-Jamā‘ah*, *Khawārij*, *Syī‘ah*, Qadariyyah, Jabariyyah, Murji‘ah, Mu’tazilah, *Sifātiyyah* dan kajian terhadap sebahagian daripada golongan-golongan sesat seperti *Babīyyah*, *Bahā’iyyah*, *Qadyāniyyah* yang meliputi perbincangan mengenai kelahirannya, ajaran, akidah dan penolakan dari mazhab *Ahl Sunnah Wa al-Jamā‘ah*.

KDU6111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 4: Pengajian akidah di dalam silibus pengajian Usuluddin di Jabatan Usuluddin, KIAS diakhiri dengan perbincangan mengenai

³⁶ Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02), h. 45-193.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian sejarah ringkas kelahiran golongan sesat pada zaman awal Islam, terutama pada zaman kerajaan Umayyah, Abbasiyah, cara dan taktik golongan *Bātiniyyah* menyesatkan umat Islam, sejarah ringkas kelahiran ajaran-ajaran sesat di Malaysia dan perkembangannya serta kajian secara khusus terhadap beberapa golongan ajaran sesat di Malaysia dengan tumpuan diberikan terhadap kelahiran ajaran, pengasasnya, ajaran-ajaran yang menyeleweng dari akidah dan kritikan terhadapnya.

b) Pengajian Mantik: KDU3191 Mantik: Kandungan subjek Mantik di Jabatan Usuluddin KIAS adalah merangkumi topik-topik perbincangan seperti mukadimah ilmu mantik, pengertian, tajuk, pertumbuhan, perkembangan dan kepentingannya, *taṣawwur* dan *tasdiq*; takrif dan bahagiannya, *al-dilālah* dan bahagiannya, *al-kulliyāt al-khamsah* dan yang berhubungan dengannya, *al-mufrad* dan *al-murakkab* serta bahagiannya, *al-ta’rif*; bahagian dan syaratnya, *al-qadāyā*; *ḥamliyyah*, *syartīyyah* dan bahagiannya, *al-Iṣtidlāl al-mubāsyir*; *al-tanāqud* dan hukum serta syaratnya, *al-‘Aks al-Mustawā*, bahagian dan yang berhubungan dengannya, *al-Iṣtidlāl ghayr mubāsyir*; *al-qiyās*, pengertian, bahagian dan syaratnya dan perbincangan mengenai *al-Istiqrā’*; pengertian, bahagian dan asasnya.

c) Pengajian Falsafah: Pengajian Falsafah ditawarkan menerusi subjek KDU181 Falsafah. Subjek falsafah mengandungi dua bahagian, iaitu: 5181 KDU Falsafah 1 yang mengandungi tajuk-tajuk perbincangan seperti pendahuluan (Falsafah), Falsafah Yunani, Aliran Ayuni, Aliran Riyadhi, Aliran Aili, Socrates (469S.M. – 399S.M.); riwayat hidup dan pemikiran, dan perbincangan mengenai Plato (426S.M. – 347S.M.) dan Aristotle (384S.M. – 322S.M.); riwayat hidup dan pemikiran mereka. Manakala kursus kedua pula adalah KDU6181 Falsafah 2 yang merangkumi perbincangan mengenai pengertian falsafah Islam dan kepentingannya, perkembangan pemikiran sejak zaman Rasulullah s.a.w. sehingga gerakan penterjemahan, Falsafah; kajian akal semata-mata atau gabungan kajian akal dengan agama, penyelewengan sejarawan falsafah Islam, urutan pertama terjemahan dalam Islam; permulaan terjemahan, penterjemahan di zaman kerajaan Abbasiyah, kesalahan dalam penterjemahan dan perbincangan mengenai tokoh-tokoh ahli falsafah Islam seperti al-Kindī (165 – 202H.), al-Farābi (257 – 339H.), Ibn Sīnā (980 – 1037H.), al-Ghazālī (450 – 505H.), Ibn Rushd (520 – 595H.) dan Ibn Khaldūn (732 – 808H.).

d) Pengajian Tasawuf: Pengajian Tasawuf ditawarkan menerusi subjek KDU5171 Tasawuf. Kandungan pengajian kursus ini adalah merangkumi pengenalan tasawuf, pertumbuhan dan perkembangannya, golongan pengkaji tasawuf, pengetahuan yang perlu ada pada pengkaji tasawuf, Tasawuf di antara pendokong dan penentang, pendirian para ulama fiqh, ahli hadis dan golongan pemikir dari ahli kalam dan falsafah terhadap tasawuf, sumber pengetahuan dan kaedah memperolehnya menurut ahli sufi, kajian *al-maqāmāt wa al-ahwāl*; *al-tawbah*, *al-wara'*, *al-zuhd*, *al-faqr*,

al-sabr, al-tawakkal, dan al-mahabbah, kajian pengertian *al-Ma'rifah, al-Kasyf, al-Ittihad, al-'Aql, Wiḥdah al-Wujūd, al-ittisāl, al-iṣhrāq* dan lain-lain, kajian beberapa tarekat *sufiyah* dengan tumpuan diberikan kepada pertumbuhan, perkembangan dan pengajarannya, contohnya Tarekat *al-Naqsyabandiyah, al-Ahmadiyyah, al-Syādhaliyyah, al-Qadīriyyah* dan kajian beberapa tokoh-tokoh utama sufi.

e) **Pengajian Perbandingan Agama:** Disiplin ini diajar melalui KDU4161 *Muqāranah al-Adyan*. Subjek ini mengandungi pengenalan disiplin Perbandingan Agama dan hubungannya dengan ilmu-ilmu Islam lain, pertumbuhan dan perkembangannya di kalangan masyarakat Islam dan Barat, perbincangan mengenai tokoh-tokoh ilmu perbandingan agama dan karya-karya mereka, perhatian masyarakat Barat terhadap disiplin Perbandingan Agama, kajian khusus agama-agama besar; Hindu, Buddha, Jiniyah, Confucious, Yahudi dan Nasrani. Dalam kajian terhadap agama-agama besar di dunia ini, tumpuan diberikan kepada beberapa sub-topik seperti pengasas ajaran, pertumbuhan, perkembangan, kitab-kitab suci, kepercayaan, pengajaran, adat, taklid dan lain-lain perbincangan yang berkaitan dengannya. Selain daripada itu, pendirian Islam terhadap agama-agama tersebut juga dibincangkan dalam kursus ini.

f) **Pengajian Mengenai Aliran Pemikiran Semasa:** Pengajian disiplin ini ditawarkan menerusi kursus KDU5113 *Al-Tayyārat al-Fikriyyah al-Mu'āṣirah*. Kandungan kursus ini merangkumi tajuk-tajuk seperti pengertian serangan pemikiran, perancangan penjajahan untuk memerangi Islam, dan cubaan pihak Barat untuk memburuk-burukkan Islam, contohnya terhadap al-Quran, al-Sunnah, peribadi Rasulullah s.'a.w, etika kehidupan dan syari'at Islam. Kursus ini juga menge-negahkan perbincangan mengenai golongan-golongan dan ideologi-ideologi seperti zionisme, freemason, sekularisme, nasionalisme, demokrasi, kapitalisme, sosialisme, komunisme, orientalisme dan gerakan kristianisasi.

Bagi pelajar KIAS yang bukan memilih pengkhususan Usuluddin, mereka didedahkan dengan pengetahuan asas usuluddin menerusi kursus Pengantar Akidah. Kursus ini disediakan untuk pelajar Jabatan Syariah dan pelajar Jabatan Dakwah.³⁷ Kursus yang dimaksudkan ialah KDU112 Madkhāl al-Aqīdah. Subjek ini membincangkan topik-topik seperti takrif akidah, hubungan akidah dengan iman dan syariah, kaedah para ulama menetapkan akidah, akidah di zaman Rasulullah s.'a.w. dan selepasnya, beriman kepada Allah dan faedahnya, *Asmā' Allāh al-Husnā, syahādatayn* dan kepentingannya, *Lā Ilāha Illa Allāh* sebagai cara hidup, syirik dan jenisnya, keperluan manusia kepada para rasul dan kerasulan, tugas, sifat dan

³⁷ *Dalīl al-Kulliyah* (2000/01), h. 238.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian mukjizat para rasul, beriman dengan malaikat, tugas dan sifat malaikat, beriman kepada kitab-kitab *samā'ī*, kepentingan al-Quran sebagai panduan hidup, beriman dengan qada' dan qadar dan kesannya serta beriman dengan hari akhirat dan kesannya. Ringkasnya kursus ini adalah menyentuh perkara dasar akidah Islam tanpa memanjangkannya kepada perbincangan yang lebih luas seperti mana yang dibincangkan dalam sukan subjek pengajian akidah di Jabatan Usuluddin, KIAS. Pengajiannya sekadar memberikan pengetahuan asas akidah kepada para pelajar Jabatan lain-lain dari Jabatan Usuluddin.

ANALISIS SILIBUS PENGAJIAN USULUDDIN DI KIAS

Setelah dikemukakan Sukatan Pengajian Usuluddin di KIAS, penulis akan mengemukakan analisis terhadap sukatan tersebut untuk meneliti beberapa elemen kekuatan dan kelemahan yang terdapat di dalamnya. Tumpuan hanya diberikan kepada subjek-subjek pengajian Usuluddin peringkat diploma di Jabatan Usuluddin KIAS. Dalam pada itu, penulis juga akan membuat perbandingan kurikulum KIAS dengan beberapa kurikulum pengajian Usuluddin yang terdapat di institusi-institusi pengajian Islam lain di Malaysia, khususnya yang menawarkan pengajian dalam bidang Usuluddin di Peringkat Diploma. Untuk itu, dua kolej iaitu Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kuala Terengganu dan Kolej Islam Selangor Darul Ehsan (KISDAR), dipilih bagi tujuan tersebut. Kedua-dua institusi tersebut menawarkan Pengajian Usuluddin peringkat diploma.

a) Subjek Pengajian Akidah

Kursus Akidah Islam di KIAS ini dibahagikan kepada empat bahagian seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Penulis berpendapat bahawa susunan silibus pengajian akidah yang ditawarkan di Jabatan Usuluddin KIAS adalah mencakupi keseluruhan kandungan perbincangan akidah, sebagaimana yang dibincangkan dalam karya-karya akidah Islam. Ia dimulai perbincangan perkara asas dalam akidah seperti penjelasan terhadap konsep iman, pengertian kalimah syahadah, pergettian tauhid, disusuli perbincangan rukun-rukun iman yang lain seperti beriman kepada malaikat, rasul, qada' dan qadar, kitab-kitab Allah dan hari kiamat. Seterusnya ia disusuli perbincangan mengenai kelahiran *firaq Islāmiyyah* yang meyaksikan lahirnya aliran-aliran mazhab seperti *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*, Khawarij, Mu'tazilah, Jabariyyah dan sebagainya. Akhir sekali, subjek ini mengutarakan perbincangan mengenai kelahiran ajaran sesat di awal Islam dan ajaran sesat di Malaysia. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, kesemua perbincangan ini terkandung dalam subjek: KDU1111 al-'Aqidah al-Islāmiyyah 1, KDU3111 al-'Aqidah al-Islāmiyyah 2, KDU5111 al-'Aqidah al-Islāmiyyah 3 dan KDU6111 al-'Aqidah al-Islāmiyyah 4.

Di KISDAR, empat subjek pengajian akidah yang ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin KIAS ini disusun dalam tiga subjek sahaja. Subjek-subjek yang dimaksudkan adalah pertama, kursus UAQ2112 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah I yang membincangkan ketuhanan, *qadā’* dan *qadar*, *af’al al-ibād* (perbuatan hamba), *al-nubuwah* dan perbahasan mengenai kitab-kitab samawi, di mana subjek ini menjadi subjek teras bagi Sekolah Pengajian Islam (SPI)³⁸ di KISDAR; kedua, kursus UAQ4113 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah II yang membincangkan tajuk-tajuk seperti kiamat, *hisāb*, *mīzān* dan sebagainya, serta mengenangkan perbincangan mengenai kejadian malaikat dan jin; ketiga, kursus UPQ5103 al-Firaq al-Islāmiyyah yang membincangkan mengenai *firqah-firqah* seperti *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā’ah*, Mu’tazilah, *Syī’ah*, *Qadyāniyyah*, *Bahā’iyyah* dan lain-lain aliran dengan difokuskan kepada aspek yang menyentuh perkembangan aliran-aliran tersebut, prinsip-prinsip pegangan dan sebagainya.³⁹

KUSZA juga telah menyusun sukanan pengajian akidahnya ke dalam tiga subjek. Ketiga-tiga subjek tersebut membincangkan prinsip asas akidah dan isu-isu berkaitan dengannya seperti tauhid, taklid dalam akidah, perbuatan Allah dan manusia, *qadā’* dan *qadar*, ayat *mutashābiḥāt*, dan sebagainya. Perbincangan tentang aliran-aliran akidah seperti yang terkandung dalam subjek KDU5111 al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 3 yang ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin KIAS, telah disusun dalam subjek khusus, dikenali sebagai al-Firaq al-Islāmiyyah. Subjek ini juga membincangkan beberapa gerakan atau mazhab semasa, antaranya *Ismā’īliyyah*, *Bahā’iyyah* dan Kesatuan Muslim Kulit Hitam Amerika.⁴⁰

Berasaskan kepada fakta ini, didapati kandungan pengajiannya sesuai, khususnya untuk pengajian di peringkat diploma. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aspek yang boleh dimantapkan lagi. Antaranya adalah, dicadangkan agar dimasukkan dalam silibus pengajian akidah, perbincangan mengenai peranan dan kesan akidah dalam bidang-bidang kehidupan manusia, khususnya dalam era kini yang menyaksikan lahirnya berbagai elemen negatif seperti politik wang, rasuah, sumbang mahram, gejala sosial, *black metal* dan sebagainya. Begitu juga mengenai sumbangan akidah dalam bidang pembangunan negara, khususnya dalam pembangunan sumber manusia. Penekanan mengenai kepentingan akidah dalam perancangan dan latihan sumber manusia hendaklah diketengahkan lebih-lebih lagi dalam era kini yang menyaksikan

³⁸ SPI di KISDAR terdiri dari tujuh buah jabatan; Jabatan Bahasa Arab, Jabatan Syariah, Jabatan Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Jabatan Dakwah, Jabatan Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dan Jabatan Pendidikan Ilmu Teras.

³⁹ Lihat *Maklumat Program Pengajian Sekolah Pengajian Islam (2003/2004)*, KISDAR, Bangi, Selangor.

⁴⁰ Lihat *Buku Panduan KUSZA (2003/2004)*, Kuala Terengganu: KUSZA, h. 41.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian meningkatnya kes jenayah kolar putih dalam negara ini. Saranan ini wajar difikirkan secara serius kerana pengajian akidah tidak seharusnya terlalu terikat seratus peratus dengan apa yang telah dibincangkan dalam karya-karya klasik akidah. Ia tidak seharusnya bersifat terlalu ‘teoretikal’, apatah lagi terlalu terikat dengan ‘hujahan dialektika’ atau metod *al-jadal* yang menjadi kegemaran pendokong aliran-aliran *kalāmiyyah* klasik. Andaikata aspek ini diabaikan, adalah dibimbangi graduan Usuluddin tidak mampu mengaitkan silibus pengajian yang dilaluinya secara jelas dengan kehidupan hariannya secara praktikal. Tajuk-tajuk semasa seperti kesan iman dalam bidang kehidupan sosial, ekonomi, politik dan bidang-bidang yang lain, hubungan iman dengan proses pembinaan akhlak dan sahsiah, hubungan iman dan peningkatan produktiviti, hubungan iman dengan motivasi kerja dan peranan iman dalam membentuk kebahagiaan sejati, hubungan akidah dan pengurusan alam sekitar dan sebagainya, perlu dimasukkan ke dalam silibus pengajian ini.

Selain daripada itu, dicadangkan juga agar perbincangan mengenai *firaq Islāmiyyah* dan ajaran sesat tidak diletakkan di bawah subjek al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 3 dan al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 4, tetapi diberi nama baru yang sesuai dengan kandungan silibusnya secara spesifik. Sebagai contohnya al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 3 dinamakan sebagai al-Firaq al-Islāmiyyah, sebagaimana dalam silibus KUSZA dan al-‘Aqidah al-Islāmiyyah 4 dinamakan sebagai ‘Kajian Ajaran Sesat’.

b) Subjek Pengajian Mantik

Ilmu mantik merupakan ilmu yang dapat memelihara akal dari kesilapan berfikir. Penguasaan ilmu ini boleh membantu seseorang ilmuwan membezakan antara pemikiran yang betul dan yang sebaliknya. Dalam tradisi Islam, kelahiran dan perkembangan ilmu mantik berkait rapat dengan kelahiran dan perkembangan Ilmu Kalam. Ini kerana Ilmu Kalam muncul setelah para ulama Mu’tazilah menelaah karya-karya falsafah Greek yang ditulis berdasarkan manhaj mantik Aristotle.⁴¹ Aliran Asyā’irah yang muncul selepas kelahiran Mu’tazilah turut menggunakan mantik sebagai senjata dalam perdebatan mereka bagi mempertahankan pendapat *Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah*.⁴² Secara spesifiknya, Pengajian Mantik atau Logik adalah satu bentuk pengajian untuk melatih pelajar berfikir bagi memperolehi maklumat-maklumat yang betul dan tepat terhadap sesuatu, sama ada maklumat berbentuk

⁴¹ Muhammad Ramadān ‘Abd Allāh (1986), *al-Bāqillānī wa Ārā’uhu al-Kalāmiyyah*, Baghdad: Matba‘ah al-Ummah, h. 82.

⁴² Muhammad Iqbal (t.t.), *Tajdīd al-Tafsīr al-Dīnī fī al-Islām*, tahqīq ‘Abbās Mahmūd, Kaherah: Matba‘ah Lajnah al-Ta’līf wa al-Tarjamah wa al-Nasyr, h. 10. Untuk keterangan lanjut, lihat Mohd Fauzi Hamat, “Pendekatan Falsafah Dalam Perbincangan ‘Ilm al-Kalām Menurut al-Mutakallimun” dlm. *Jurnal Usuluddin*, bil. 7, Dis. 1997, APIUM, h. 181-184

tasawwuriyyah menerusi penggunaan kaedah *al-hadd / al-ta'rif* atau maklumat *tasdiqiyah* menerusi penggunaan kaedah *al-burhān*. Justeru, subjek yang melatih pelajar menyusun tatacara berfikir yang betul ini, adalah wajar dijadikan salah satu subjek pengajian Usuluddin di KIAS. Sukatan ilmu mantik yang digunakan di institusi pengajian tinggi Islam biasanya adalah sama dan tidak banyak berbeza antara satu sama lain. Ini kerana skop pengajian ilmu ini tidak luas dan kandungannya hanya melibatkan beberapa prinsip mantik seperti *tasawwur*, *tasdiq*, *kulliyāt al-khamsah*, *al-ta'rif*, *al-qiyās* dan beberapa prinsip yang lain.

Sebagaimana yang dimaklumi, hanya satu subjek sahaja ditawarkan dalam bidang Mantik iaitu KDU3191 Mantik. Dalam pengajian Mantik, terdapat dua topik utama yang dibincangkan iaitu *al-ta'rif* dan *al-burhān / al-qiyās*. Berdasarkan penelitian terhadap silibus pengajian Mantik di KIAS, didapati sukatannya adalah baik dan selaras dengan pengajian tradisi pengajian Mantik klasik dan moden, kalaupun sukatannya kelihatan terlalu padat jika dilihat kepada tempoh pengajiannya yang agak terhad. Terdapat beberapa aspek yang boleh dimantapkan dalam penawaran subjek tersebut. Antaranya adalah kepentingan mengaitkan topik-topik utama perbincangan tersebut dengan isu-isu kehidupan semasa masyarakat.

Sebagai contohnya kepentingan mengenangkan perbincangan *al-ta'rif* dan *al-burhān* dalam konteks kehidupan semasa kepada pelajar. Dalam kes *al-ta'rif* misalnya, Socrates yang memperkenalkan perbahasan tersebut dalam tradisi pengajian Mantik, tidak hanya memperkenalkan metod tersebut sekadar untuk dibahaskan dari sudut asas-asas perkaedahannya secara teoretikal semata-mata, tetapi beliau cuba menggunakan kaedah tersebut untuk mendefinisikan apa yang dimaksudkan dengan erti ‘kebahagiaan’ (*al-sa'ādah*), ‘nilai yang diutamakan’ (*al-faḍīlah*), keadilan (*al-'adālah*), ‘keberanian’ (*al-syajā'ah*), ‘persahabatan’ (*al-sadaqāh*), ‘nilai keji’ (*al-qabiḥah*), ‘kezaliman’ (*al-zulm*), ‘kejahilan’ (*al-jahl*) dan sebagainya.⁴³ Penjelasan tentang istilah-istilah yang sebenarnya ada kaitan dengan epistemologi ini penting kerana terdapat aliran Falsafah sebelum Socrates, dikenali sebagai *al-Sufsatā'iyūn* yang cuba untuk menolak nilai-nilai kebenaran bersifat mutlak atas alasan manusia boleh menjadi kayu ukur dalam menilai sesuatu perkara (*al-insān miqyās kulli syai'*). Dalam konteks kehidupan kini, terdapat banyak perselisihan pendapat berlaku dalam masyarakat kerana pihak-pihak yang berselisih tersebut mempunyai definisinya tersendiri mengenai sesuatu atau sekurang-kurangnya telah terpengaruh dengan sesuatu definisi berbentuk *al-rasm* yang dikemukakan oleh ulama tertentu. Sebagai contoh, konsep-konsep seperti ‘demokrasi’, ‘hak asasi’, ‘negara Islam’ dan sebagainya. Per-

⁴³ Untuk kefahaman lebih jelas tentang istilah-istilah ini, lihat 'Abd al-Maqṣūd 'Abd al-Ghanī, Dr., *al-Akhlāq Bayn Falāsifah al-Islām wa Ḥukamā' al-Islām*, Kaherah: Maktabah al-Zahra', h. 104-145.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian soalannya apakah definisi yang dikemukakan oleh sesuatu pihak bertepatan dengan realiti sebenar sesuatu (*māhiyyah al-syai'*), sebagaimana ia (*kama huwa*).

Perbincangan mengenai *al-qiyās*, khususnya *al-burhān* juga perlu dikaitkan dengan kepentingan berhujah menggunakan premis-premis hujah berdasarkan asas-asas kebenaran yang diyakini atau *'ilm al-yaqīn*. Adalah dirasakan tidak memadai andaikata pelajar hanya dibentangkan mengenai perbincangan definisi, bentuk-bentuk *al-qiyās* dan jenis-jenisnya, tanpa diterangkan apa pentingnya perbincangan tersebut dalam konteks kehidupan kini yang menyaksikan ramai orang berhujah menggunakan asas-asas hujah yang tidak berasaskan nilai kebenaran yang boleh dipertahankan.⁴⁴

c) Subjek Pengajian Falsafah

Ilmu Falsafah menurut Ibn Khaldun adalah merupakan ilmu akliyah yang lebih wujud secara *tabi'i* dalam diri manusia atas sifatnya sebagai makhluk yang mempunyai fikiran.⁴⁵ Ibn Sina mendefinisikan Falsafah sebagai “penyempurnaan *nafs insāniyyah*” (jiwa kemanusiaan, khususnya akal fikiran) dengan *mentasawur* dan *mentasdīqan* hakikat-hakikat sesuatu yang bersifat teoretikal dan praktikal berdasarkan kadar kemampuan akal manusia.⁴⁶ Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat dirumuskan bahawa pengajian Falsafah adalah satu disiplin pengajian yang bertujuan untuk menjelaskan beberapa asas teoretikal mengenai hakikat konsep-konsep penting berkait dengan kehidupan manusia menyentuh bidang-bidang seperti metafizik, epistemologi, kosmologi, antologi dan sebagainya. Ia turut menjelaskan beberapa hakikat kebenaran sesuatu yang berkait dengan aspek-aspek amali kehidupan manusia, misalnya yang menyentuh persoalan etika, pengurusan rumahtangga, politik, ekonomi dan sebagainya. Dalam bahasa yang mudah, Falsafah menekankan kedua-dua aspek *theoretical wisdom* dan *practical wisdom*. Terdapat perbincangan Falsafah yang dilihat oleh sesetengah ulama sebagai bercanggah dengan asas-asas ajaran Islam, khususnya yang menyentuh bidang ketuhanan (*ilahiyyāt*) ataupun metafizik.⁴⁷ Falsafah melihat sesuatu ‘maujud’ atas sifatnya sebagai ‘maujud’ semata-mata, sedangkan akidah melihat sesuatu sebagai dalil kewujudan pencipta, contohnya falsafah melihat jisim dari sudut gerak dan diam, sebaliknya akidah melihat jisim itu

⁴⁴ Untuk keterangan lanjut tentang hal ini, lihat Mohd Fauzi Hamat, “Metod *al-Burhān* Dan Kepentingannya Dalam Melahirkan Ummah Berfikiran Kritis”, dlm. Mohd Fauzi Hamat, et. al (eds) (2004), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam, APIUM, h. 51-68.

⁴⁵ Ibn Khaldūn (2000), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 392.

⁴⁶ Ibrahim, al-Zanjāwī al-Mūsawī (1982), *al-Falsafah al-Yūnāniyyah*, Beirut: Mu‘assasah al-Wafa’, h. 42.

⁴⁷ Lihat misalnya, Al-Ghazzālī, Abū Ḥamid, Muhammad ibn Muḥammad (1993), *al-Munqidh min al-Dalāl*, Beirut: Dār al-Fikr al-Lubnāni, h. 83.

dari sudut pembuatnya.⁴⁸

Subjek falsafah di Jabatan Usuluddin KIAS dibahagikan kepada dua kursus iaitu kursus KDU5181 Falsafah 1 yang membincarkan tokoh-tokoh falsafah sebelum Islam dan pemikiran falsafah mereka dan kursus KDU5181 Falsafah 2 yang membincangkan falsafah Islam dan beberapa tokoh falsafah Islam yang terkenal. Melalui subjek-subjek ini, para pelajar diharapkan dapat memahami asas dan prinsip falsafah dan perkembangan falsafah Islam yang menjadi penyumbang kepada kemajuan dan pencapaian umat Islam. Ia juga boleh mendedahkan kepada mereka teori-teori falsafah Yunani dan falsafah Islam, serta perbandingan di antara keduanya.

KISDAR menyediakan satu kursus falsafah sahaja iaitu UPF4103 al-Falsafah al-Islāmiyyah. Subjek ini membincangkan falsafah Islam dan perkembangannya, tokoh-tokoh falsafah Islam dan pemikiran mereka dalam bidang ketuhanan, kenabian, akhlak, politik dan sebagainya.⁴⁹ Di KUSZA, sukanan pengajian falsafah adalah hampir sama dengan sukanan Pengajian Falsafah di KIAS yang merangkumi perbincangan tentang falsafah Yunani dan Islam.⁵⁰ Apa yang berbeza sedikit adalah KUSZA menyusun sukanan pengajian falsafah dalam satu kursus sahaja iaitu USU3053 Falsafah, dengan diperuntukkan sebanyak 3 jam kredit, manakala pengajian falsafah di KIAS diperuntukkan sebanyak 2 jam kredit bagi setiap subjek.

Pada dasarnya sukanan ini adalah amat baik dan mencakupi hampir keseluruhan perbincangan Falsafah, sama ada Falsafah Greek ataupun Falsafah Islam. Walau bagaimanapun, subjek ini boleh dimantapkan jika ditambah dalam subjek 5181 Falsafah 1, perbincangan mengenai sejauh mana relevannya pemikiran tokoh-tokoh Falsafah klasik yang dikaji dengan realiti kehidupan hari ini. Sebagai contoh, penekanan wajar diberikan terhadap sejauh mana misalnya, teori-teori pemikiran politik ketatanegaraan Plato, pemikiran falsafah etika Socrates dan kaedah befabrik Aristotle boleh diterapkan dalam kehidupan semasa ummah, khususnya dalam era globalisasi kini. Begitu juga dengan subjek KDU 6181 Falsafah 2. Adalah wajar sekali dimasukkan dalam subjek tersebut kepentingan mengaitkan pemikiran tokoh-tokoh Falsafah Islam seperti al-Kindi, al-Farabi, Ibn Sina, al-Ghazzali, Ibn Rusyd dan lain-lain dengan realiti kehidupan hari ini yang sentiasa berubah dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, perbincangan al-Farabi mengenai klasifikasi ilmu, perbahasan al-Ghazzali tentang kaedah pencapaian makrifah yang hakiki dan perbincangan Ibn Khaldun mengenai teori perubahan sosial wajar dikaji secara teliti berdasarkan perspektif kontemporari.

⁴⁸ Ibn Khaldūn (2000), *Muqaddimah*, h. 381.

⁴⁹ Lihat *Maklumat Program Pengajian Sekolah Pengajian Islam (SPI)* (2003/2004), h. 49.

⁵⁰ Lihat *Buku Panduan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin* (2003/2004), h. 42.

d) Pengajian Tasawuf

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, disiplin ini ditawarkan menerusi subjek KDUS171: Tasawuf. Tujuan Jabatan Usuluddin KIAS menyediakan subjek tasawuf ini adalah untuk membina nilai kerohanian yang mulia dalam diri pelajar. Selain daripada itu, penawaran subjek ini juga untuk mendedahkan perbezaan kepada mereka antara tasawuf sebenar dan tasawuf yang menyeleweng.⁵¹

Di KISDAR, sukatan pengajian tasawuf KIAS ini dipecahkan kepada dua subjek, iaitu subjek *al-Turuq al-Sūfiyyah* dan subjek *al-Akhlaq wa al-Tasawwuf*. Kandungan subjek *al-Turuq al-Sūfiyyah* adalah menyentuh tentang tarekat dan kesannya serta kajian terhadap beberapa kumpulan tarekat. Kandungan subjek *al-Akhlaq wa al-Tasawwuf* pula menyentuh tentang tasawuf, perkembangan tasawuf, istilah-istilah tasawuf dan kesannya dalam pemikiran Islam dan kehidupan masyarakat Islam. Setiap subjek ini diperuntukkan sebanyak 3 jam kredit, sama seperti di KUSZA.⁵² Manakala subjek tasawuf di KIAS hanya diperuntukkan sebanyak 2 jam kredit sahaja. Ini bermakna, pengajian subjek *al-Turuq al-Sūfiyyah* dan subjek *al-Akhlaq wa al-Tasawwuf* yang diperuntukkan 6 jam kredit di KISDAR, hanya diperuntukkan sebanyak 2 jam kredit sahaja di KIAS.

Penelitian terhadap penawaran pengajian Tasawuf ini di Jabatan Usuluddin KIAS, mendapati kandungan silibusnya, terutama yang berkaitan dengan pembentukan sifat-sifat mulia, amat baik dan sesuai. Walau bagaimanapun, bagi memantapkan subjek ini, disarankan agar pihak Jabatan Usuluddin, KIAS memperkenalkan satu lagi subjek pengajian berkaitan dengan Tasawuf iaitu *al-Akhlaq wa al-Tasawwuf* bagi memberi pendedahan lebih luas kepada pelajar mengenai disiplin tersebut. Satu aspek yang boleh diketengahkan dalam penawaran subjek cadangan ini adalah perbincangan mengenai peranan Tasawuf dalam pembangunan umat Islam masa kini, khususnya yang menyentuh pembangunan spiritual ummah. Beberapa fenomena semasa seperti kederasan pengaliran nilai-nilai negatif yang dibawa oleh arus kemodenan dan kroniknya masalah keruntuhan moral di kalangan umat Islam kini, ditambah lagi dengan penularan nilai-nilai buruk ke dalam masyarakat Islam menerusi prasarana yang tercipta dalam era globalisasi, amat mendesak penggubal kurikulum pendidikan Islam agar dapat menawarkan subjek khusus yang menekankan pentingnya pembangunan kejiwaan ummah sebagai benteng untuk menghindarkan ummah dari semua gejala buruk tersebut.

e) Pengajian Perbandingan Agama

Ilmu Perbandingan Agama atau *Muqārānah al-Adyān* adalah suatu cabang ilmu pengetahuan untuk menyelidik dan memahami aspek atau sikap keagamaan sesuatu

⁵¹ Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02), h. 163.

⁵² Buku Panduan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (2003/2004), h. 41.

kepercayaan dan memahami titik persamaan dan perbezaan antara sesuatu agama dengan agama yang lain.⁵³ Disiplin ini juga menerangkan Islam dan perbandingannya dengan agama lain dari aspek kepercayaan dan amalan keagamaan, serta mendedahkan penyelewengan yang berlaku dalam agama-agama lain.⁵⁴

Jabatan Usuluddin KIAS menawarkan disiplin ini menerusi subjek KDU112 Madkhāl al-‘Aqidah. Tujuannya adalah untuk mendedahkan pengetahuan mengenai agama-agama semitik (*samāwī*) dan agama-agama ciptaan manusia dari aspek kepercayaan dan adat resam agama-agama tersebut, kitab-kitab suci mereka dan sebagainya kepada para pelajar.⁵⁵ Penawaran subjek ini amat wajar, terutama untuk membantu para pelajar memperkasakan gerakan dakwah, khususnya apabila mereka berdepan dengan penganut agama menyeleweng yang dikaji. Pengajian subjek ini boleh memantapkan kefahaman dan keyakinan pelajar terhadap Islam, di samping membolehkan mereka membandingkan antara ajaran Islam dengan agama-agama dan kepercayaan-kepercayaan yang lain. Disiplin ini boleh dijadikan benteng bagi mempertahankan iman dari diganggu-gugat oleh pengaruh agama-agama lain.

Ruang lingkup silibus subjek PIU5109 *Muqāranah al-Adyān* di KISDAR adalah sama dengan silibus subjek yang sama di KIAS. Kedua-duanya membincangkan agama Yahudi, Nasrani, Hindu dan Buddha, kitab-kitab yang menjadi rujukan penganut agama-agama tersebut, penyelewengan yang dilakukan oleh mereka dan kepercayaan-kepercayaan mereka.⁵⁶ Perbincangan topik-topik seperti ini juga terdapat dalam subjek yang sama di KUSZA. Walau bagaimanapun, subjek wajib KUSZA ini turut merangkumkan beberapa topik lain iaitu perbincangan tentang gerakan dan idealisme seperti sekularisme, komunisme dan sebagainya.⁵⁷ Di KIAS, perbincangan tentang idealisme-idealisme baru disusun dalam subjek *al-Tayyārat al-Fikriyyah al-Mu‘āsirah*. Terdapat satu aspek yang perlu dimasukkan dalam silibus subjek ini bagi memantapkan kursus tersebut iaitu perbincangan mengenai dialog peradaban yang banyak diperkatakan sejak akhir-akhir ini, khususnya bermula pada tahun 1990an.⁵⁸ Asas perbincangan ini perlu diketengahkan, sekurang-kurangnya sebagai strategi

⁵³ Mudjahid Abdul Manaf (1994), *Ilmu Perbandingan Agama*, Jakarta: PT. Raja Grafindo Persada, h. 20.

⁵⁴ Ahmad Shalabi (1996), *Muqāranah al-Adyān: al-Islām*, c. 11, Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, h. 21.

⁵⁵ Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02), h. 133.

⁵⁶ Buku Panduan, Maklumat Program Pengajian SPI (2003/2004), h. 52.

⁵⁷ Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02), h. 41.

⁵⁸ Untuk maklumat mengenai syarat-syarat dialog dan lapangannya, lihat Ibrāhīm Syawqār (2003), "al-'Awlamah wa al-'Ālamiyah fi Daw'i Sunan AlFāh al-Kawniyyah," dlm. *al-Tajdid*, bil. 14, Ogos 2003, Gombak: International Islamic University Malaysia, h. 149-154.

Pengajian Usuluddin di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra: Analisis Silibus Pengajian untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan kesentosaan dalam sesebuah negara yang bermasyarakat majmuk seperti Malaysia.

f) Pengajian Mengenai Aliran Pemikiran Semasa

Disiplin ini ditawarkan menerusi subjek KDU5113: *Al-Tayyārat al-Fikriyyah al-Mu'āsirah*. Kursus ini mengkaji Aliran Pemikiran Moden yang dicipta Barat, dan menerangkan sikap Islam terhadap aliran tersebut. Subjek ini menerangkan serangan pemikiran Barat dan perancangan jahat mereka terhadap Islam kepada pelajar. Ia turut menyentuh perbincangan mengenai beberapa ideologi seperti zionisme, sekularisme, nasionalisme, gerakan orientalis dan kristianisasi.

Melalui disiplin ini, para pelajar akan didedahkan strategi serangan pemikiran Barat terhadap Islam dan umatnya. Para pelajar juga didedahkan beberapa aliran pemikiran dan ideologi versi baru yang dicipta oleh Barat. Aliran-aliran ideologi tersebut kemudian akan dinilai dari perspektif Islam untuk dijadikan pengetahuan dan pemahaman bagi para pelajar.⁵⁹ Dari segi silibusnya, tiada perbezaan antara apa yang ditawarkan di KIAS dengan KISDAR. Apa yang berbeza hanya dari segi buku-buku rujukannya sahaja. Manakala di KUSZA pula, sebahagian dari topik subjek ini disusun menjadi sebahagian dari subjek USU3073 *Muqāranah al-Adyān*.⁶⁰ Pada dasarnya silibus subjek ini adalah baik dan sesuai. Walau bagaimanapun, sebagai cadangan untuk memantapkan lagi silibus kursus ini, disyorkan agar dimasukkan beberapa cabaran terkini terhadap survival umat Islam seperti globalisasi, perpecahan umat Islam, kemunduran ummah, modernisasi dan cabaran gerakan/aliran Islam liberal, aliran kesatuan agama (*wihdah al-adyān*) dan cabaran-cabaran yang lain yang boleh menggugat jatidiri umat Islam kontemporari.⁶¹

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan tersebut, dirumuskan bahawa pengajian Usuluddin di KIAS yang bermatlamat untuk menyediakan pengajian usuluddin peringkat kolej kepada para pelajar lepasan sekolah menengah agama dan memperkasakan ilmu tersebut sebagai asas pembentukan peribadi pelajar untuk faedah diri sendiri dan masyarakat, mempunyai silibus pengajian yang agak baik. Umumnya, sukanan pengajian usuluddin yang ditawarkan oleh Jabatan Usuluddin KIAS sesuai dijadikan sukanan pengajian usuluddin peringkat diploma. Kewajaran ini berasaskan kesamaan silibus pengajian tersebut dengan institusi-institusi pengajian tinggi lain seperti

⁵⁹ *Buku Panduan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (2003/2004)*, h. 169.

⁶⁰ *Buku Panduan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (2003/2004)*, h. 41.

⁶¹ Untuk maklumat lanjut tentang beberapa cabaran kontemporari, lihat 'Irfan 'Abd al-Hamid Fattah (2004), "al-Islām wa al-Tahaddiyāt al-Mu'āsirah," dlm. Mohd Fauzi Hamat, et. al (eds.), *Pemikiran Islam dan Cabaran Semasa*, h. 361-370.

KUSZA dan KISDAR. Sukatan KIAS juga diterima oleh Universiti al-Azhar, Mesir, dan mendapat pengiktirafan LAN.

Kelemahan yang ada pada penawaran kursus Diploma Usuluddin di KIAS boleh dilihat pada peruntukan jumlah jam kreditnya yang sedikit berbanding dengan kolej-kolej lain seperti KISDAR dan KUSZA, di mana jumlah jam kredit pengajian Diploma Usuluddin di KIAS hanya 17 jam kredit bagi 6 semester, iaitu 2 jam kredit bagi 7 subjek, dan 1 jam kredit bagi 3 subjek selebihnya.⁶² Ini berbeza dengan KISDAR yang menetapkan sebanyak 26 jam kredit untuk pengajian Usuluddin di sepanjang 6 semester pengajian, iaitu 3 jam kredit bagi 8 subjek usuluddin, dan 2 jam kredit lagi bagi 1 subjek yang lain.⁶³ Peruntukan jam kredit pengajian Usuluddin di KIAS juga sedikit berbanding dengan apa yang terdapat di KUSZA yang memperuntukkan sebanyak 23 jam kredit bagi 6 semester pengajian, dengan 3 jam kredit ditetapkan untuk 7 subjek dan 2 jam kredit lagi bagi 1 subjek yang lain.⁶⁴ Walaupun jumlah bilangan subjek pengajian di KIAS menyamai jumlah subjek di KUSZA iaitu 10 subjek berbanding dengan KISDAR yang hanya menawarkan 9 subjek sahaja untuk pengajian Usuluddin, tetapi jumlah jam kredit yang sedikit boleh menjelaskan pemahaman dan penguasaan para pelajar KIAS terhadap pengajian usuluddin.

Untuk memantapkan lagi silibus pengajian Usuluddin di KIAS, disarankan agar pihak pentadbiran akademik di KIAS dan Jabatan Usuluddin khususnya, berusaha memasukkan beberapa topik perbincangan semasa dalam silibus pengajiannya. Tumpuan perlu diberikan dari aspek keperluan membumikan asas-asas teoretikal pemikiran Usuluddin dalam realiti ummah secara praktikal dan memperkaitkan asas-asas pemikiran tersebut dengan keperluan semasa umat Islam masa kini.⁶⁵ Adalah tidak dinafikan sama sekali kepentingan aktiviti intelektual dalam mendedahkan asas-asas pemikiran klasik yang terdapat dalam disiplin-disiplin pengajiannya kepada pelajar. Ini kerana sesuatu tradisi ilmu dalam apa bidang sekalipun perlu diwarisi dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Namun demikian, perlu ditegaskan bahawa pendedahan yang bersifat teoretikal semata-mata tidak banyak boleh membantu pelajar menggunasuai semua asas ilmu yang dipelajarinya dalam kehidupan sebenar mereka apabila mereka berdepan dengan realiti sebenar masyarakatnya di hari muka.

⁶² *Buku Panduan Program Diploma Jabatan Usuluddin (2001/02)*, h. 36.

⁶³ *Maklumat Program Pengajian Sekolah Pengajian Islam (SPI) (2003/2004)*, h. 17.

⁶⁴ *Buku Panduan Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (2003/2004)*, h. 16.

⁶⁵ Kepentingan ini bukan sahaja terhad kepada bidang pengajian Usuluddin semata-mata, tetapi juga untuk bidang-bidang pengajian ilmu Islam yang lain. Untuk keterangan tambahan, lihat Jamāl Ahmad Bādī, Dr., "Tatwīr Asālib Tadrīs al-‘Ulūm al-Syar‘iyyah" kertas kerja *Nadwah Nahw Siyāghah Ḥadīthah li Muqarrarāt al-Dirāsah al-Syar‘iyyah*, anjuran Jabatan al-Qur‘an Dan al-Hadith, APIUM pada 7-8 Feb. 2004, h. 4-5.